

## **SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN DART TERBUKA AMATUR**

### **1. NAMA KEJOHANAN**

#### **KEJOHANAN DART TERBUKA AMATUR KARNIVAL SUKAN UPM**

TEMPAT : **BILIK SEMINAR, DEWAN SERBAGUNA, PUSAT SUKAN UPM**

MASA : **9.00 PAGI HINGGA SELESAI**

TARIKH : **10 DAN 11 MAC 2018**

### **2. PERATURAN AM DAN PERATURAN PERTANDINGAN**

- 2.1. Setiap pasukan mestilah berada di tempat pertandingan 15 minit sebelum perlawanan di mulakan. Sekiranya lewat, pasukan itu dikira kalah.
- 2.2. Pengurus Pasukan mestilah menyerahkan borang pemain kepada Pengadil 30 minit sebelum perlawanan bermula. Pindaan nama pemain tidak dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Urusetia Pertandingan dan pasukan lawan.
- 2.4. Pertandingan akan dimulakan secara undian yang akan dilakukan oleh Pengadil (Chalker) secara lambungan duit syiling (Toss of a coin).
- 2.5. Seseorang pemain boleh berbincang atau mendapat buah fikiran mana-mana pemain dalam pasukannya semasa dalam permainan (in between throws) kecuali Chalker. Walau bagaimanapun, pemain dibenarkan bertanya kepada Chalker bagi mata yang diperoleh dan baki yang tinggal sahaja.
- 2.6. Seseorang pemain tidak dibenarkan membuat sesuatu yang boleh dianggap sebagai tindakan yang disengajakan untuk melambatkan permainan.
- 2.7. Semua perlawanan hendaklah dipertandingkan walaupun satu-satu pasukan telah menang 3 daripada 5 acara dalam peringkat kumpulan. 'WalkOver' tidak dibenarkan kecuali kerana kecederaan. Pengadil perlawanan akan menentukan kecederaan pemain tersebut. Walau bagaimanapun bagi peringkat suku akhir, separuh akhir dan akhir akan dijalankan secara kalah mati. Pasukan yang mendahului 3 acara akan diisytiharkan sebagai pemenang.
- 2.9. Pengurus Pasukan adalah bertanggungjawab untuk mengawal ahli-ahli pasukan agar mamatuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Ahli Jawatankuasa Pertandingan.

### **3. KIRAAN MATA**

- 3.1. Hanya dart yang melekat pada dartboard sahaja yang dikira matanya setelah ketiga-tiga dart dibaling.
- 3.2. Seseorang pemain tidak dibenarkan mencabut dart dari dartboard sehingga 'Chalker' selesai membuat kiraan.
- 3.3. Peraturan 'bust' adalah dikenakan sekiranya seseorang pemain memperoleh skor yang melebihi point dan pada score board mata yang diperoleh tidak dikira mata.
- 3.4. Seseorang pemain yang berjaya menamatkan permainan dengan double atau balingan yang pertama, kedua atau ketiga akan ditetapkan sebagai menamatkan permainan.
- 3.5. hendaklah memberitahu Chalker akan kesalahan tersebut dan memperbetulkan sebelum pemain meneruskan balingan. Sekiranya tiada sebarang bantahan dari mana-mana pihak, maka kesilapan itu akan ditetapkan sah dan sebarang pembedahan atas score tersebut

- tidak akan dilayan.
- 3.6. Setiap acara yang dimenangi dikira satu mata - GAME SYSTEM.

#### 4. PERKARA LARANGAN

- 4.1. Pemain tidak dibenarkan meninggalkan gelanggang permainan kecuali dengan kebenaran Pengadil.
- 4.2. Memakai selipar dan seluar pendek tidak dibenarkan semasa bermain. Semua Ketua Pasukan adalah diminta memastikan semua pemain berpakaian kemas.
- 4.3. Semua pemain tidak dibenarkan menghisap rokok, meminum/membawa minuman keras atau di bawah pengaruh alkohol semasa pertandingan.
- 4.4. Pemain yang membawa telefon bimbit (handset), pastikan nada dering telah ditukar kepada 'vibrate mode' semasa berada di dalam dewan pertandingan.

#### 5. YURAN DAN HADIAH

##### 5.1 YURAN : RM 120 / PAIR

##### 5.2 DOUBLE OPEN

Johan	: RM1400 + Medal
Naib Johan	: RM 600 + Medal
Ketiga	: RM 250 + Medal
Keempat	: RM 250 + Medal
Kelima – Kelapan	: RM 100 + Medal

##### 5.3 SINGLE

Johan	: RM 500 + Medal
Naib Johan	: RM 200 + Medal
Ketiga	: RM 100 + Medal
Keempat	: RM 100 + Medal
Kelima – Kelapan	: RM 50 + Medal

#### 6. BANTAHAN

- 6.1 Bantahan boleh dibuat dalam tempoh 1jam selepas perlawanan ditamatkan dengan menyertakan wang pertaruhan sebanyak RM200.00. Jika keputusan memihak kepada pihak yang membantah, maka wang pertaruhan tersebut akan dikembalikan dengan 10% daripada wang pertaruhan akan ditolak sebagai Wang Pengendalian Kes. Jika sebaliknya, wang pertaruhan akan menjadi milik Jawatankuasa Pertandingan.

#### 7. PENGADIL

- 7.1 Jawatankuasa Pengelola dengan kerjasama daripada Panel Pengadil yang telah dilantik berkuasa membuat sebarang keputusan yang difikirkan wajar untuk menjayakan pertandingan ini dan bagi perkara-perkara yang tidak tercatat di dalam peraturan ini. **Keputusan itu adalah muktamad.**

#### 8. KESELAMATAN

- 8.1 Pihak Urus Setia Pertandingan tidak bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan anggota atau kehilangan peralatan pemain di sepanjang tempoh Kejohanan ini.

**9. MENARIK DIRI**

- 9.1 Menarik diri (walkover) tidak dibenarkan. Jika berlaku, pasukan yang berkenaan akan dianggap sebagai menarik diri daripada pertandingan seterusnya. Keputusan-keputusan pertandingan yang terdahulu terbatal dengan sendirinya.

10. Kembalikan borang yang lengkap kepada Urusetia pertandingan atau melalui email :

**URUSETIA KARNIVAL SUKAN UPM 2017**

Pusat Sukan  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang  
Selangor D.E  
No Tel: 0389471277  
Email : m\_azwar@upm.edu.my

Untuk pendaftaran dan pertanyaan sila hubungi :

**En. Iezhar Mat Noh : 012-5500682**